



Hishammuddin (empat dari kiri) bersama Menteri Pertahanan ASEAN pada Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN di Phnom Penh, Rabu lalu.

Kemboja setuju hantar tentera wanita jalani latihan di Malaysia

Kerjasama tingkatkan kemahiran dalam melaksanakan operasi pengaman

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kemboja bersejua untuk menghantar tentera pengaman wanitanya ke Pusat Pengaman Malaysia (Malaysia Peacekeeping Centre) di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Kementerian Pertahanan dalam satu kenyataan memaklumkan, tentera pengaman berkenaan akan menjalani latihan, seterusnya dapat meningkatkan lagi kemahiran mereka dalam melaksanakan operasi pengaman.

Katanya, persetujuan itu dicapai dalam satu perjumpaan antara Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dengan rakan sejawatnya yang juga Timbalan Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama (TYT) Samdech Pichey Sena Tea Banh.

“Antara isu yang diutarakan ketika perjumpaan dua hala itu ialah untuk meningkatkan lagi kerjasama pertahanan dalam melaksanakan operasi pengaman di seluruh dunia khususnya pembabitn tentera pengaman wanita di ASEAN.

“Satu kesepakatan dicapai

yang mana Kemboja akan menghantar tentera pengaman wanitanya ke Pusat Pengaman Malaysia di Port Dickson untuk menjalani latihan seterusnya meningkatkan lagi kemahiran mereka dalam melaksanakan operasi pengaman,” kata kenyataan itu.

Kementerian Pertahanan memaklumkan, kehadiran Hishammuddin di Kemboja adalah untuk menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) yang diadakan di Phnom Penh, Kemboja, Rabu lalu.

“Dalam mesyuarat berkenaan, pelbagai isu pertahanan diutarakan Malaysia demi kepentingan keselamatan ASEAN.

“Selain Malaysia negara ASEAN yang hadir turut membincangkan mengenai isu pertahanan serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama.

“Malah, ia juga dijadikan sebagai satu platform yang signifikan untuk Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN mengukuhkan lagi semangat kebersamaan ASEAN khususnya dalam konteks kerjasama pertahanan di rantau ini,” katanya.

ADMM yang diadakan sehari itu dipengerusikan oleh Samdech Pichey Sena Tea Banh yang juga Pengerusi ADMM.

“Menteri Pertahanan turut menghadiri Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri Pertahanan ASEAN-China dan Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri Pertahanan ASEAN-Jepun yang diadakan selepas ADMM.

“Kedua-dua mesyuarat berkenaan antara lain akan memfo-



Hishammuddin dan Tea Banh mengadakan perbincangan dua hala di Phnom Penh, Kemboja.

kuskan kepada usaha mengukuhkan lagi kerjasama pertahanan serantau ASEAN-China dan ASEAN-Jepun.

“Sejurus selesai kedua-dua mesyuarat ini, Hishammuddin serta Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN akan mengadakan kunjungan hormat bersama ke atas

Perdana Menteri Kemboja, Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen,” katanya.

Tambahnya, walaupun ADMM turut membabitkan wakil State Administration Council (SAC) dari Myanmar, ia tidak bermakna Malaysia mengiktirafnya sebagai kerajaan Myan-

mar yang sah.

“Malaysia sentiasa menekankan bahawa pihak SAC perlu segera melaksanakan perkara yang sudah dipersetujui dalam Kemuafakatan Lima Perkara (5PC) bagi mencari penyelesaian kepada kemelut politik di Myanmar,” katanya.